GUNUNG TAHAN HIKING LOG



OLEH: SYED AHMAD FATHI

‘‘Ramai orang yang memandang indah dah bahagianya untuk berada di puncak kejayaan. Namun tidak mahu untuk melalui proses untuk sampai ke puncak itu’’

Kandungan

Cucur coklat

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin rahmat dan kasih sayangnya dapat disiapkan catatan hiking log ini. Catatan ini ditulis bagi menjadi rekod perjalanan untuk rujukan pendaki di masa hadapan dalam masa yang sama perkongsian berkenaan dengan pengajaran dan dapatan yang kami perolehi sepanjang 4 hari 3 malam perjalanan kami mendaki Gunung Tahan. Log ini telah ditulis oleh Padu Outdoor Club, maklumat lengkap seperti dibawah:

Nama kumpulan: Padu Outdoor Club

Ahli kumpulan:

1. Muhammad Radhi bin Abdul Rahman (Ketua)
2. Syed Ahmad Fathi bin Syed Mohd Khair
3. Umar Muhajir bin Ghazali
4. Muhammad Ikhwan Mahadzir
5. Ahmad bin Abdul Hadi
6. Fansuri Kamarudin
7. Ahmad Akif Adam
8. Md Zhafran
9. Ahmad Abdullah
10. Hasan
11. Umair Jazlan

Tarikh: 22 Oktober 2014 – 25 Oktober 2014

Proses perancangan

Kami telah merancang perjalanan ini selama lebih kurang dua bulan awal. Proses ini bermula dengan mengumpulkan pendaki-pendaki yang berkelapangan, persediaan membeli barang kelengkapan, serta urusan rasmi untuk mendapatkan permit hutan dan sebagainya.

Bagi memudahkan urusan dengan pejabat hutan, kami mengambil keputusan untuk menggunakan orang tengah, memandangkan mereka telah lama dalam urusan ini, dan juga kami kesuntukan masa untuk mengurusannya. Kami telah memilih Outdoor Club Uncle (Radhi) bagi menguruskan perjalanan kami.

Bagi satu guider maksimum 12 orang pendaki, dan setiap pendaki dikenakan bayaran sebanyak RM160. Bayaran ini tidak termasuk makanan sepanjang pendakian, tambang perjalanan, wang pengeposan sijil dan kelengkapan. Jumlah yang dibayar ini hanya merangkumi upah guider, bayaran 4 wheel drive ke tapak permulaan tracking, sijil, permit hutan dan kamera.

Kelengkapan

Bagi persediaan kelengkapan antara barangan wajib termasuk barang makanan, kelengkapan masakan, kelengkapan tidur, ubat-ubatan, kamera, dan kelengkapan mendaki.

Persiapan makanan perlu dibincang secara bersama terlebih dahulu, perlu dibahagikan 'siapa perlu bawa apa'. Agar makanan yang dibawa tidak berlebihan dan menjadi pemberat sepanjang perjalanan. Menu masakan juga perlu ditentukan terlebih dahulu, menu masakan perlulah dirancang semudah mungkin. Elak kan dari merancang masakan yang tidak masuk akal seperti kari ayam, nasi goreng paprik, ikan kelah masak 3 rasa dan sebagainya. Memadai nasi putih bersama sardin. Antara lauk lain yang sesuai adalah bilis goreng, telur goreng dan masakan yang sudah dibungkus dalam bentuk pes atau half cook.

Kelengkapan memasak yang lain termasuk gas, dapur, kuali/periuk, mesh tin, pinggan, cawan, sudu, senduk, pisau, lighter dan sebagainya. Jangan bergantung pada kayu kayan hutan untuk bahan api kerana anda tidak dapat meramal cuaca, sekiranya hujan sangat sukar menggunakan kayu hutan bagi dijadikan bahan api, melaikan anda sememangnya minat dengan cabaran. Bagi air minuman, memadai anda membawa air botol 1500 ml setiap seorang, sehabisnya bekalan air anda, anda akan merasai ke enakan air sungai. Tidak perlu membawa 1 gallon air atau penapis air jenama hijrah untuk dibawa ke puncak gunung.
Bagi kelengkapan tidur anda boleh membawa sleeping bag, khemah, kanvas, flysheet, hammock dan juga sleeping matt. Namun saya mencadangkan agar anda tidak perlu membawa khemah, bagi meringankan bebanan. Cukup setiap pendaki membawa tali, flysheet dan kanvas, kerana kelengkapan ini lebih ringan untuk dibawa, juga masa yang diambil untuk memasang dan menanggalkan nya juga lebih pantas.

Bagi hammock anda boleh menggunakan nya di campsite sebelum sampai ke Checkpoint Bonsai, selepas dari checkpoint ini tiada lagi pokok besar dan tinggi untuk menggantung hammock. Kebiasaan nya 2 malam anda akan bermalam di campsite yang boleh menggantung hammock dan 1 malam di kaki gunung di mana hammock tidak dapat digunakan.

Ubat-ubatan juga tidak boleh dianggap ringan. Ubatan asas perlu dibawa seperti panadol, ubat sakit perut, bandage, plaster. Bagi mereka yang mempunyai penyakit lelah, ubatan peribadi extra anda perlu dibawa agar perkara yang tidak di ingini tidak berlaku. Bagi mereka yang tidak mahu dihinggapi pacat, anda bolehlah menyapu antiseptik dettol dikaki sebelum tracking, pastikan anda

menyapunya semula selepas melalui sungai bagi memastikan kesan berterusan. Untuk memastikan anda tidur dengan aman, saya nasihatkan anda membeli mosquito repellent bagi tujuan menghalau nyamuk.

Bagi kelengkapan pendakian saya sarankan anda memakai kasut getah kalis air. Boleh dapatkan di kedai-kedai cina dengan harga yang murah. Tidak perlu anda membawa kasut-kasut berjenama anda seperti nike tempo, converse, vans of the walls, safety boot atau bata. Kerana laluan yang akan anda tempuhi memerlukan anda memakai kasut yang kalis air. Laluan juga berlumpur dan lasak, bakal membuatkan kasut berjenama anda kotor dan koyak. Kasut getah adalah yang terbaik kerana kalis air, ringan dan tahan lasak. Baju haruslah berlengan panjang untuk melindungi tangan anda dari duri dan gigitan haiwan. Selain itu kamera juga amat penting bagi mengabadikan detik-detik berharga anda diatas puncak nanti.

Sekiranya anda ingin membawa talifon bimbit, saya sarankan anda membawanya. Kerana terdapat beberapa checkpoint yang ada line, bahkan diatas gunung juga network bar anda full dan anda boleh update instagram secara instant. Tapi tidak dinafikan kebanyakan masa, talifon anda tidak akan menjumpai network. Sekiranya anda hendak membawa duit atau kredit kad, anda boleh lupakan kerana sepanjang perjalanan tiada 7 eleven dijumpai.

Beg yang anda bawa juga perlu perhatian serious, ia hendaklah tahan lasak dan mampu membawa beban yang berat tanpa rosak. Elakkan membeli beg yang tidak original kerana anda akan menyesal di kemudian hari apabila beg anda koyak. Pastikan juga beg anda mempunyai rain cover bagi memastikan barang yang dibawa sentiasa kering dan boleh digunakan. Pendakian hanya dilakukan ketika hari siang, namun anda dinasihatkan membawa headlamp bagi urusan di waktu malam.

Solat

Solat ini merupakan perkara yang sangat-sangat perlu dijaga. Kerana selengkap mana pun persiapan yang kita bawa, hakikatnya ALLAH yang menentukan segala-galanya. Keselamatan, kesihatan dan kejayaan adalah milik ALLAH. Pergantungan kita oleh itu perlulah kepada ALLAH bukan pada beg kita, bukan pada guider atau selainnya. Oleh itu perlu kita menjaga hubungan dengan ALLAH dengan menyempurnakan solat sepanjang pendakian.

Bagi menentukan arah kiblat anda tidak perlu risau, anda tidak perlu membawa kompas atau bergantung pada apps kiblat dalam smartphone yang sentiasa berubah-ubah. Arah kiblat telah ditanda di kesemua checkpoint dan perhentian. Anda hanya perlu menyediakan kanvas atau lapik untuk bersembahyang sahaja.

Sebelum mendaki

Mungkin ramai yang tertanya-tanya apa yang dimaksudkan dengan cucur coklat dan kenapa dijadikan ganti bagi kata pendahuluan. Kebiasaan nya orang menggunakan sekapur sireh atau secawan kopi. Sebenarnya cucur coklat merupakan menu istimewa yang kami sediakan semasa pendakian kami.

Di hari-hari akhir, kami mahu menghabiskan bekalan makanan, berbaki tepung dan coklat. Jadi ahli kumpulan kami menyediakan cucur coklat bagi penghabisan stok. Saya abadikan menu ini di dalam log pendakian ini sebagai kenangan.

Day 1

Kami sampai ke Merapoh sekitar jam 4 pagi menaiki kereta dari Johor. Terdapat juga ahli kumpulan yang menaiki bas dan kereta api. Bagi yang menaiki kereta api, perlu turun di gua musang kerana stesen kereta api merapoh sudah tidak digunakan. Kami mengambil keputusan untuk tidur di surau berhampiran sementara menunggu hari terang.

Sesudah subuh kami mengumpulkan semua barang makanan yang telah dibincangkan untuk dibawa dan dibahagiakan kepada setiap orang. Uncle Adam, outdoor club yang kami hubungi untuk menguruskan kami juga tiba di surau untuk membantu dan memudahkan proses pendaftaran. Sekitar jam 9.30 pagi kami tiba di Pejabat Hutan Sungai Relau dan mendaftar diri. Selepas itu, kami membuka semua barang yang kami bawa untuk di ishtiharkan di pejabat hutan.

Antara barang penting yang perlu di ishtiharkan termasuk bilangan plastik,tin, botol, gas, baju, dan bateri. Oleh itu saya nasihatkan anda tidak perlu packing barang secara kemas dahulu, kerana anda perlu membukanya semula di pejabat hutan. Kelengkapan tidur seperti baju tidur, hammock, sleeping bag dan khemah perlu dibalut plastik untuk memastikkan nya sentiasa kering. Setiap barang yang telah di ishtiharkan akan di periksa semula setelah anda turun. Jadi pastikan ia tidak hilang. Sekiranya barang ini tidak mencukupi, anda tidak akan diberikan sijil.

Selepas itu, anda akan menerima taklimat ringkas dari pegawai hutan berkenaan dengan peraturan di Taman Negara bagi pendaki.Antara isi taklimat tersebut ialah:

- Harga permit masuk ke taman negara adalah RM1 sementara permit membawa masuk kamera berharga RM5.
- Sekiranya sesat anda dinasihatkan untuk tidak meneruskan perjalanan, sebaliknya duduk di posisi tersebut atau berpatah balik.
- Pendaki adalah dilarang untuk membawa keluar apa juga barang dari hutan.
- Dilarang keras membuang apa-apa jenis sampah di dalam hutan.
- Tidak dibenarkan berjalan ketika malam hari.
- Sentiasa mematuhi arahan guider.
- Tidak dibenarkan membawa bom ikan atau peralatan menangkap ikan.
- Dilarang berjalan sendirian sekalipun untuk membuang air.

Taklimat ini berlangsung selama lebih kurang 20 minit. Selepas itu kami dibawa menaiki 4 wheel drive merentasi kawasan berbukit selama lebih kurang 20 minit. Anda dinasihatkan menjaga kepala sepanjang perjalanan agar tidak terhantuk dahan pokok. Kami kemudian tiba di Kuala Juram. Kuala Juram merupakan lokasi yang ditempatkan Santuari Kelah, dimana anda boleh melihat banyak ikan kelah jinak berenang-renang. Disini, kami mendengar sedikit taklimat dari guider berkenaan dengan perjalanan pada hari pertama. Hari pertama kami berjalan sejauh 13.5 km ke Kem Kor. Setelah taklimat, kami bersama membuat sedikit regangan badan dan sama-sama berdoa kepada Allah SWT agar dipermudahkan perjalanan.

Kami memulakan tracking pada hari tersebut sekitar jam 11.40 pagi. Perjalanan ke Kem Kor dari Kuala Jeram tidak lah begitu memenatkan, tiada track mendaki yang banyak, kebanyakan nya hanyalah track landai. Walaupun tidak letih kerana perjalanan, namun masih terasa penat dan bahu terasa lenguh, hal ini kerana di hari pertama beg berisi makanan dan kelengkapan masih penuh. Jadi cabaran utamanya adalah beg anda yang berat, bukan track mendaki.

Sepanjang perjalanan anda akan melalui 4 sungai yang besar. 3 daripadanya dengan kedalaman hingga ke betis dan satu hingga ke peha. Anda juga akan melalui beberapa anak-anak sungai kecil, sekiranya bekalan air anda telah habis, anda disarankan mengisi botol menggunakan air sungai.


Check point pertama yang dilalui adalah Kuala Luis, checkpoint ini terletak kira-kira 4.5 kilometer dari Kuala Juram. Kami tiba sekitar jam 12.45 setelah lebih kurang 1 jam berjalan. Disini kami berehat untuk makan tengahari yang telah dibekalkan oleh Pejabat Hutan (makan pagi dan tengahari untuk hari pertama kami disediakan). Kami juga bersolat zohor dan asar secara jamak disini. Setelah kami sempurna bersolat, kami meneruskan perjalanan.

Hentian seterusnya adalah di Lata Luis, jarak dari Lata Luis dan Kuala Luis hanya 3 kilometer. Di tengah perjalanan, Ahmad bin Abdul Hadi tertinggal khemah, mujur tidak jauh. Pasukan pendakian terpaksa berhenti seketika dan menghantar dua orang wakil untuk mendapatkan semula khemah.

Setelah 5 jam perjalanan, akhirnya kami tiba di Kem Kor sekitar jam 4.30 pm. Kami bernasib baik kerana tiba sebelum hujan, setibanya kami di Kem Kor hujan turun dengan lebat, dan air sungai naik dan mengalir dengan laju, sekiranya kami lambat, kemungkinan besar kami terkandas dan terpaksa menunggu sehingga hujan reda dan aliran sungai menjadi tenang semula. Alhamdulillah, cantik susunan Allah SWT.

Kami terus memasang flysheet setibanya di Kem Kor, hujan masih belum reda. Kami memasang khemah, membentang kanvas, mengikat hammock di dalam hujan. Selesainya pemasangan semua flysheet, khemah dan hammock, kami terus memulakan proses memasak.

Sepanjang perjalanan kami mengenali perwatakan guider kami, beberapa kali kami mencuba untuk beramah mesra dengan nya, sekadar mahu menjalin persahabatan dan berbual. Namun mendapat balasan yang dingin. Minta tolong ambil gambar atau ajak bergambar bersama juga tidak mahu. Setibanya di Kem Kor, guider kami menaikkan flysheetnya sendiri, dan masak sendiri. Panjang lagi pengalaman kami bersama guider tersebut yang bakal anda baca di halaman-halaman seterusnya.



Petang itu kami mengalas perut dengan nasi putih, telur dadar serta sedikit sambal bilis. Apabila gelap mula menyelimuti kawasan hutan, hujan mula reda dan akhirnya berhenti. Selesai makan kami bersama-sama melaksanakan solat maghrib dan isya' secara jamak. Solat kami berlapikkan ponco dan plastik sahaja disuluhi headlamp bagi menerangi tempat sujud. Selesai solat kami bersama-sama membaca zikir ma'thurat sughra. Dan tiba-tiba kami melihat ada cahaya yang menghampiri kami ketika malam sudah gelap selesai membaca ma'thurat.

Rupa-rupanya guider kami yang datang. Dia datang untuk memberi taklimat berkenaan perjalanan pada esok hari. Katanya esok kami akan mula berjalan seawal 7.30 pagi, dan track pada esok hari tidak lagi landai, 90 peratus adalah track mendaki dan kami perlu mendaki sepanjang 17.5 km. Selesai taklimat kami berbual seketika sebelum semua akhirnya terlelap dan tidur.

Day 2

Kami bangun awal di hari kedua, sekitar jam 5 pagi untuk bersolat subuh. Setelah solat subuh secara berjemaah, kami mula memasak sarapan pagi dan tengahari. Bagi menjimatkan masa perjalanan, makanan untuk tengahari dimasak terus dan dibungkus untuk di makan semasa dalam perjalanan. Kerana untuk hari ketiga kami akan bermalam semula di Kem Kor, makanan untuk hari ketiga dan hari terakhir disimpan di satu tempat khas. Kami hanya membawa barang makanan untuk dimasak pada malam hari kedua, sarapan dan makan tengahari hari ketiga.

Setelah selesai memasak dan makan, kami mula mengemas barang dan membungkus semula khemah, flysheet dan kanvas. Setelah siap semuanya kami memulakan perjalanan pada pagi itu sekitar jam 8.30 pagi, lewat 1 jam dari masa yang dipersetujui oleh guider kami.

Dari Kem Kor kami melalui kawasan-kawasan yang berlumpur, licin dan track mendaki. Selepas lebih 1 jam perjalanan kami tiba di perhentian Permatang yang terletak kira-kira 2.5 kilometer dari Kem Kor. Kami hanya berehat sebentar untuk menghilangkan lelah dan meneguk beberapa teguk air sungai. Kemudian kami menerus kan semula pendakian.

Di tengah jalan sebelum sampai ke perhentian seterusnya, sahabat kami yang merupakan salah seorang dari ahli kumpulan pendakian, Ahmad ‘Akif bin Adam telah diserang lelah. Dia kehabisan nafas dan pening kepala. Kami mengambil keputusan untuk membahagikan barang-barang yang terdapat di dalam backback nya dan diagihkan kepada ahli kumpulan yang lain. Selepas beberapa kali berehat dan memberi masa untuk nya menghilangkan lelah kami akhirnya tiba ke perhentian seterusnya.

Kami tiba di perhentian Kubang sekitar jam 12 tengahari, perjalanan mengambil masa dua jam setengah dari perhentian Permatang. Jarak antara dua perhentian ini adalah kira-kira 3.5 kilometer. Disini kami berhenti agak lama untuk berehat dan makan tengahari. Selesai makan kami kembali meneruskan pendakian. Pendakian selepas Kem Kor sememangnya mencabar, belum sempat anda hilang penat anda akan menjumpai track mendaki kembali. Kami juga beberapa kali berhenti bagi meneguk air dan menghilangkan penat dan lenguh. Pada ketinggian ini anda sudah dapat merasai suhu yang sejuk.

Perhentian seterusnya adalah perhentian Berlumut, terletak 1.5 kilometer dari perhentian Kubang. Kami tiba pada jam 1 petang. Pada perhentian ini anda sudah mampu melihat permandangan yang cantik. Berlumut terletak di ketinggian kira-kira 1493 meter dari aras laut. Kami tidak berhenti lama disini dan meneruskan pendakian.

Dari Berlumut kami menempuhi track pendakian sejauh 5 kilometer ke perhentian Bonsai. Di perhentian ini tiada sumber air. Oleh itu sebelum sampai ke Bonsai kami terlebih dahulu mengambil wudu dia anak sungai dipertengahan jalan. Bonsai terletak di ketinggian 1705 dari aras laut. Pada ketinggian ini anda sudah mampu melihat banjaran-banjaran lain di bawah anda, anda mampu melihat bahawa anda berada lebih tinggi dari awan putih. Kami menunaikan solat jamak Asar dan Zohor disini.

Perjalanan dari Bonsai ke hentian seterusnya merupakan antara perjalanan yang paling menarik dan paling akan anda hargai. Disini kawasan nya berbatu, dan pokok disekelilingnya renek-renek sahaja. Sambil mendaki bukit berbatu anda boleh merasai dan melihat kabus berlalu, datang dan pergi. Sejuk!

Anda juga mampu melihat banjaran-banjaran sekeliling dilitupi awan putih. Kami sangat teruja ketika sampai kebahagian ini. Semua orang mengeluarkan kamera, kami seolah-olah hilang penat, kini bukan lagi masa mendaki tapi masa bergambar. Permandangannya begitu indah dan mengasyikkan. Masing-masing tersenyum gembira mengucapkan pujian kepada Pencipta keindahan ini. Subhanallah, mashallah. Melihat permandangan ini, segala penat dan lelah tiba-tiba hilang. Hingga ahli kumpulan kami, Umar Muhajir Ghazali tersasul:

"Mashallah, cantiknya macam syurga"

Hakikatnya kami masih di dunia. Ya, didunia sahaja sudah dapat lihat keindahan seperti ini, bayangkan di syurga nanti. Kami meneruskan juga perjalanan dalam kadar yang perlahan, kerana sibuk bergambar, merentas kabus, mendaki bukit berbatu putih. Akhirnya kami tiba di hentian akhir pada hari tersebut iaitu perhentian Bukit Botak pada jam 6.30 petang. Terletak 3 kilometer dari Bonsai, dan berada 1943 meter dari paras laut. Bukit Botak ini merupakan perhentian di kaki Gunung Tahan.

Suhu di Bukit Botak sememangnya sejuk. Saya nasihatkan anda untuk membawa baju sejuk untuk kekal sihat pada ketinggian ini. Pada petang itu, kami melihat matahari tengeelam meninggalkan kawasan banjaran, langit berwarna jigga dikawasan banjaran itu sememangnya memukau hati. Tiada kata dapat ditulis bagi mengungkapkan kecantikan hatinya, pemandangan indah ini sedikit sebanyak menyentuh emosi, membuatkan anda terfikir mengenai kehidupan dan bertapa berharganya hembusan nafas yang dikurniakan oleh Yang Maha Esa.

Setelah selesai memasang khemah dan menyusun kelengkapan tidur, kami terus bersiap-siap untuk menunaikan solah berjemaah bersama. Kawasan Bukit Botak ini juga berbatu dan sejuk, saya sarankan anda membawa sleeping matt. Selesai solat maghrib dan isya secara jamak dan bersama membaca zikir ma'thurat, kami mula menyiapkan masakan untuk makan malam. Malam itu kami bersama menyediakan nasi putih bersama dengan sardin. Kami juga mempuat mesh potato, namun sebab terlebih garam, kami mengambil keputusan untuk membancuh kentang hancur selebihnya bersama tepung untuk dibuat cucur.



Ketika sedang sibuk memasak, malam itu hujan renyai-renyai turun. Selepas selesai memasak dan makan, kami bersiap untuk tidur. Malam itu, seorang sahabat kami, Fansuri Kamarudin diserang penyakit *Hypo* namun tidak begitu teruk, malam itu dia berselubung dan tidur awal, makan pun tak mahu.Pening dan demam katanya Sebelum tidur, kami dipesan oleh guider untuk bersiap awal esok hari kerana akan mendaki ke puncak bermula jam 6 pagi, selepas selesai solat subuh.

Day 3

Kami bangun awal pada hari ketiga seperti biasa, jam 5 pagi kami sudah bersiap dan solat berjemaah bersama. Di Bukit Botak terdapat anak sungai kecil, air sangat sejuk. Selepas solat subuh bersama kami bersiap untuk mendaki keatas. Saya membawa dua set pakaian, satu untuk mendaki, dan satu set lagi saya pastikan sentiasa kering untuk tujuan tidur di malam hari. Saya nasihatkan anda juga membuat perkara yang sama. Tidak perlu membawa semua baju didalam almari pakaian anda untuk dibawa bersama.

Oleh kerana suasana yang begitu sejuk pada pagi itu, saya mengambil keputusan untuk tidak menukar kepada baju mendaki yang masih lembab. Anda boleh memakai baju anda yang kering sekiranya hari tidak hujan kerana track mendaki dari kaki Gunung Tahan ke atas tidak kotor. Kebanyakan nya berbatu, cuma hanya ada beberapa lopak air, jadi anda selamat untuk mendaki menggunakan baju kering anda.

Perjalanan juga tidak mengambil masa yang lama kerana jarak dari Bukit Botak hanya 1 kilometer. Kami bertolak pada jam 6 pagi dan tiba pada jam 7 pagi. Dalam perjalanan saya masih tidak berputus asa dan cuba untuk mengajak guider untuk bersembang.

“Jauh lagi ke ni bang?” soal saya.

“Awak jalan ajelah” balasnya dengan nada menyampah.

Ini kali terakhir saya mencuba.

Kami sempat melihat matahari terbit pagi itu. Indahnya hanya Allah yang tahu. Melihat kepulan-kepulan awan juga bukit-bukit dan hutan yang terhampar luas membuatkan seolah-olah anda berada di atas puncak dunia. Kami begitu teruja, dan mula mengambil gambar.

Masing-masing begitu teruja melihat bukit-bukit terhampar luas dibaluti kepulan awan putih dan matahari yang baru muncul tiba. Puncak Gunung Tahan di altitud 2187 meter dari aras laut merupakan puncak yang tertinggi di semenanjung Malaysia. Diatas ini anda mampu melihat kebawah dari pelbagai sudut, masing-masing menawarkan keindahan yang tersendiri. Kesemuanya akan membuat anda merasakan usaha dan harga yang anda bayar lebih dari berbaloi untuk menikmati keindahan ini.



Ketika kami asyik menikmati keindahan dipuncak ini, kedengaran jeritan dari guider kami, memarahi kami agar segera turun semula, konon nya sudah lewat. Kami masing-masing berasa tidak berpuas hati, kami membayar hampir dua ribu ringgit, mengambil cuti selama 4 hari bagi mendaki dan dibenarkan berada di puncak hanya selama 20 minit?

Sekiranya anda ke Gunung Tahan dan mendapat guider yang berperangai seperti ini saya nasihatkan anda berda di puncak dengan lebih lama kerana itu adalah hak anda. Hal ini kerana, anda membayar guider, ia merupakan program anda, guider yang sepatutnya mengikut masa anda. Ya, dia mungkin menasihatkan sedemikian supaya anda selamat sampai semula ke Kem Kor sebelum gelap.

Tetapi percayalah, sekiranya anda bertolak dari Bukit Botak pada jam 12 petang sekali pun anda mampu sampai sebelum gelap. Perjalanan turun dari puncak ke Bukit Botak hanya mengambil masa 30 minit. Jadi sekiranya anda sampai ke puncak pada jam 7 pagi saya nasihatkan anda mengambil masa sekurang-kurangnya 1 jam atau satu jam setengah. Kemudian anda akan sampai ke Bukit Botak semula jam 9 pagi. Anda punya 2 jam untuk memasak dan mengemas khemah. Sekiranya anda bertolak jam 11 pagi, anda masih mampu sampai ke Kem Kor pada jam 6 petang.

Hal ini kerana, track dari Bukit Botak ke Kem Kor bukan lagi track mendaki sebaliknya track menurun. Dan beg anda sudah ringan kerana barangan makanan telah dihabiskan. Anda hanya akan membawa pakaian dan khemah sahaja turun. Jadi ambil masa anda.

Kerana kami pertama kali naik, kami akur dan menuruti arahan dari guider walaupun hati tidak berpuas hati. Kami turun pada jam 7.30 pagi dan tiba semula di Bukit Botak pada jam 8.00 pagi. Kami membersihkan diri, memasak, makan, dan berkemas. Kami siap untuk bertolak pada jam 9.30 pagi, 30 minit lewat dari perancangan asal.

Ketika kami hendak mula bertolak, guider kami mengumpulkan kami dan memarahi kami. Dia mengatakan kami melayannya seperti tunggul kerana tidak menepati masa. Dia juga berkata mulai

dari sekarang dia tidak lagi akan memberi arahan, dan kami boleh bertolak, makan mengikut sesuka hati kami.

Dalam hati saya berkata *" Ini memang program kami dan suka hati kami lah mahu bertolak dan makan bila. Tugas guider hanya memberi 'guide'bukan membuat keputusan"*

Ketika itu saya sudah mati perasaan dengan guider ini. Semakin menyampah, sudahlah tidak mahu bergaul, kini melayan kami seperti budak-budak. Dalam perjalanan saya bersembang dengan rakan:

"Guider ni tak faham, orang datang ke Gunung Tahan ini mahu berekreasi, merehatkan minda bersama rakan-rakan, kami bukan datang ke kem askar"

Apa pun kami teruskan juga perjalanan. Kami berjalan dengan pantas. Pada jam 10.30 pagi kami sudah berada di Bonsai, jam 12.30 kami tiba di Berlumut dan jam 1.10 ptg kami sudah tiba ke Kubang.

Saya tidak memakai kasut getah, sebaliknya membeli kasut plastik. Ia lebih ringan namun tidak tahan. Dihari kedua sudah merekah dan sedikit pecah, dihari ketiga pecahnya semakin besar dan selalu tertanggal. Saya terpaksa mengikat kasut tersebut dengan tali.

Selepas dari perhentian Kubang saya bertemu dengan seorang pakcik. Katanya 20 tahun yang lalu dia pernah mendaki Gunung Tahan, kali ini dihari tua dia membawa isteri dan anak untuk mendaki bersama. Sempat saya berdialog bersamanya.

Pakcik: *"Mana guider kamu?"*

Saya: *"Ada di belakang, dia merajuk dengan kami, kerana kami lambat sikit pada pagi tadi"*

Sambil menundukkan kepala sambil menggeleng pakcik itu menyambung:

"Tak boleh begitu, dia kena sabar, dulu 20 tahun yang lalu, masa pakcik naik guider kami muda, umur 18 tahun, kami masa tu lewat 20-an. Dia tak mahu bergaul, duduk pun di khemah sendiri jauh-jauh. Guider tak boleh begitu, saya kata kepadanya untuk makan bersama kami sebab kami memang membawa makanan untuk dia juga, sepatutnya makan sekali bersembang. Dia tak mahu, saya marah dia. Saya kata kamu toreh tangan kamu, saya toreh tangan saya, kita tengok darah kita sama merah ke tidak. Sampai habis lepas tu okay, masa turun dah habis pun sampai berpeluk-peluk kami masa nak berpisah"

Saya mengangguk dan berkata: *" Guider muda sekarang pakcik, macam tu lah, dia anggap ini hanya kerja untuk dapat duit"*

Kami menyambung bersembang lagi seketika, sebelum saya meminta izin untuk meneruskan perjalanan. Katanya dia jumpa 2 orang kawan kami sebelum ini. Mereka turun laju, jam 3 mungkin sudah sampai ke Kem Kor.

Dalam perjalanan selepas Berlumut saya terpisah sebentar dari kumpulan. Umar Muhajir dan Umair sudah jauh di depan dan yang lain jauh di belakang. Saya ketika itu sudah kehabisan air. Saya tidak memenuhkan air semasa di Bukit Botak kerana airnya berwarna kuning dan saya tidak meyakini kebersihan air tersebut.

Dalam masa yang sama kaki saya sedikit terseliuh. Jadi saya berjalan berseorangan ditemani kaki yang sakit dan botol air yang kosong. Saya merasa begitu dahaga seolah-olah mahu pengsan. Namun saya teruskan juga perjalanan. Dalam fikiran saya sekiranya saya duduk dan menunggu ahli kumpulan lain yang di belakang untuk datang, rasa dahaga itu tidak akan hilang. Saya tetap juga perlu menahan dahaga itu sehingga mereka sampai.

Sekiranya saya berjalan dan pengsan, tentu saya pengsan dalam keadaan lebih dekat dengan Kem Kor, jadi saya teruskan perjalanan. Saya begitu dahaga dan melihat kiri dan kanan mencari air, dalam perjalanan saya melihat ada sedikit air bertakung di dedaun kering yang ada di lantai hutan. Saya lantas mengambilnya bagi membasahkan tekak. Namun, tidak mencukupi. Rasa dahaga terus mencengkam.

Sampai ke satu denai, saya teringat membaca buku ikhtiar hidup ayah saya di rumah ketika kecil. Salah satu cara untuk mendapatkan sumber air adalah dengan memotong akar pokok yang terjuntai dari atas pokok secara tirus. Saya lantas berhenti dan mengeluarkan pisau dan memotong akar pokok yang ada. Setelah memotong dan menonggu tiada juga air yang keluar. Saya menyentuh hujung akar yang telah dipotong itu, kering. Saya mengambil keputusan untuk meneruskan perjalanan.Setiap langkah yang saya bawa menambahkan lagi rasa dahaga. Saya terfikir, di dunia juga dahaga seperti ini begitu menyeksakan. Bagaimana perasaan dahaga di akhirat nanti?

Dipendekkan cerita akhirnya saya tiba semula di hentian Permatang sebelum pengsan. Dari situ saya perlu berjalan lagi menuruni bukit kecil bagi mendapatkan sumber air. Saya membasahklan kepala dan mengisi botol air. Alhamdulillah, saya begitu bersyukur kepada Allah kerana tiada perkara buruk berlaku. Ketika pulang semula ke Permatang dari sumber air saya dapati ahli kumpulan yang lain telah tiba dan sedang berehat di Permatang. Alhamdulillah, sekali lagi syukur. Saya menceritakan apa yang terjadi, tetapi mereka tidak percaya.

Kami tiba semula ke Kem Kor sekitar jam 3.30 petang. Umar Muhajir dan Umair telah sampai lebih awal, sekitar jam 2.50 petang. Masih ada 3 jam setengah sebelum gelap. Kami merasakan begitu rugi kerana tidak mengambil masa lebih lama untuk menghayati keindahan ketika di puncak. Namun, apakah daya, nasi telah menjadi bubur lambuk.

Kami pantas menaikkan khemah semula kerana hari kelihatan mendung. Masa yang ada kami gunakan untuk membasuh diri, kerana perjalanan turun penuh dengan lumpur. Kami mandi dan membasuh baju, seluar, rain cover, beg khemah dan sebagainya. Petang itu hujan turun dengan lebat. Selesai mandi dan solat jamak asar dan zohor saya terus tidur kerana merasa kurang sihat.
Malam itu saya bangun semula untuk solat maghrib dan isyak secara berjemaah dan membaca ma'thurat sebelum kembali ke khemah untuk tidur. Katanya malam itu mereka masak ayam dari pes kurma yang dibawa. Dalam hati saya berkata: *"Dah turun nanti bukan takat ayam kurma, nasi arab pon boleh makan"*

Day 4

Hari terakhir kami bangun awal seperti biasa. Kerana guider sudah merajuk dan tiada taklimat, kami merancang sendiri perjalanan untuk hari terakhir. Kami mula memasak untuk sarapan dan makanan tengahari yang hendak dibungkus.

Semua bekalan makanan dikumpulkan dan dihabiskan. Selesai memasak, makan dan mandi, kami mula mengemas khemah, sekitar jam 10 pagi kami bergerak meninggalkan Kem Kor. Oleh kerana sudah tiada bekalan makanan dan beg juga teal menjadi ringan. Kami meneruskan perjalanan di hari terakhir dengan berlari. Pada jam 10.30 pagi kami sudah tiba semula di Lata Luis dan pada jam 11.10 pagi kami tiba di Kuala Luis.

Disini kami berhenti dan mengambil peluang terakhir untuk mandi di sungai. Kami bergerak semula pada jam 12.00 petang dan tiba di Kuala Jeram pada jam 1 petang. Setibanya di Kuala Jeram kami membersihkan diri dan menghamparkan barang-barang dibawah terik cahaya matahari.

Saya agak masih berasa kurang sihat di kala itu, jadi saya mengambil keputusan untuk menukar ke baju bersih dan menyambung pembacaan saya. Sementara rakan-rakan lain sibuk melihat ikan kelah yang diternak di santuari.

Ketika saya khusyu dengan pembacaan saya, tiba-tiba terdengar bunyi jeritan:

"Woi, jangan turun ke sungai, ini Taman Negara ada peraturan! Aku diam korang semua besar kepala, belajar tinggi-tinggi tapi besar kepala"

Rupa-rupanya suara guider kami menengking ahli kumpulan yang turun ke santuari kelah. Saya hanya tersengih. Beberapa minit kemudian mereka kembali ke rumah rehat tersengih-sengih kerana dimarahi. Kami mengambil keputusan untuk makan dahulu kerana 4 wheel drive masih belum kunjung tiba.

"Mana tahu kata tak boleh turun, ada tangga tapi takda signboard yang tulis tak boleh turun" bicara Umair ketika makan, nada seperti tidak berpuas hati kerana dimarahi.

Selesai makan kami bersama menunaikan solat zohor dan asar secara jamak. Usai solat kami duduk bersama untuk berkongsi rasa dan mendengar sedikit kalimah akhirah. Masing-masing berkongsi berkenaan dengan persahabatan, ukhuwwah, kerjasama, perlunya ada persiapan dalam setiap perkara dan pentingnya membuat keputusan yang betul.

Tidak sempat kami menghabiskan sesi sharing, kenderaan pacuan empat roda tiba. Kami mengemas semua kelengkapan yang ada dan diletak diatas kenderaan tersebut. Dari Kuala Juram, kenderaan pacuan empat roda itu membawa kami naik dan turun bukit, seperti rollercoaster hingga tiba ke Pejabat Hutan Sungai Relau.

Di sini, kami membuka kembali beg-beg kami untuk diperiksa barang yang telah di isytiharkan 3 hari yang lalu. Alhamdulillah, kumpulan kami berjaya membawa semua barang yang di ishtiharkan kembali dan tidak meninggalkan sisa di dalam hutan. Setelah selesai mengishtihar barang, kami diminta untuk memberi nama penuh beserta nombor kad pengenalan, juga wang RM10 untuk tujuan pengeposan sijil.

Yang anihnya, setibanya di pejabat hutan Sungai Relau, guider kami yang asyik marah-marah sepanjang perjalanan berubah menjadi peramah. Tiba-tiba dia berubah perwatakan dan dapat bersembang dan bergurau senda seperti manusia normal yang lain. Beberapa ahli kumpulan melayankan nya, sementara aku sudah tawar hati, malas mahu melayan.

Kami membersihkan diri di bilik mandi pejabat hutan sebelum bersalaman dan berpelukan sambil mengucap selamat jalan. Petang itu sekitar jam 6 petang kami berpecah, 1 kereta bergerak semula ke Johor, 1 kereta pulang ke Kuala Lumpur, seorang menaiki bas ke Kuala Lumpur dan dua orang rakan kami menaiki bas pulang ke Kelantan. Masing-masing pulang semula kepada kehidupan asal.

Catatan hati

Banyak perkara yang saya dapat sepanjang pendakian di Gunung Tahan ini. Ia bukan saja merupakan pendakian fizikal, tetapi juga satu perjalanan emosi dan spiritual. Bukan saja menguji ketahanan fizikal, tetapi juga mental. Beberapa dapatan saya coretkan disini, buat tatapan anda semua.

Proses kejayaan

Semua orang mengimpikan kejayaan, kejayaan ini kemungkinan berbeza antara satu manusia dan manusia lain. Ada yang mengimpikan kejayaan dalam bidang akademik, ada yang mahu berjaya dalam kerjaya, ada juga yang menganggap kebahagiaan dalam rumah tangga itu satu kejayaan. Sebahagian yang lain pula mungkin merasakan dengan mengumpul harta dan menjadi kaya itu satu kejayaan. Terdapat juga manusia yang mengharap untuk mendapat redha Allah dan dimasukkan ke dalam syurga, bagi mereka inilah kejayaan.

Begitulah manusia mempunyai definisi kejayaan yang berbeza-beza. Meliputi pelbagai perkara seperti akademik, kerjaya, keluarga, kekayaan, kuasa, pangkat dan juga kejayaan akhirat. Damun di kebanyakan bentuk kejayaan dan kepelbagaian perbezaannya, ia mempunyai satu perkara yang sama. Iaitu. ada proses yang perlu anda lalui untuk mencapai kejayaan tersebut.

Untuk tiba di puncak Gunung Tahan, melihat keagungan ciptaan yang indah, panorama yang membangkitkan perasaan kagum dan keterujaan juga mempunyai proses. Anda perlu mengambil cuti beberapa hari dan mengosongkan jadual, membayar wang untuk pengurusan, membeli segala kelengkapan, mendaki selama dua hari meredah sungai, hujan, lumpur dan batuan. Menahan penat, dahaga dan kesejukan sepanjang perjalanan. Barulah akhirnya anda akan tiba di puncak.

Begitu juga kejayaan-kejayaan dalam kehidupan. Ada proses, usaha dan pengorbanan yang perlu kita lakukan. Kerana kejayaan itu tidak akan datang percuma, perlu ada usaha yang kuat dari diri kita sendiri. Sekiranya ingin berjaya dalam pelajaran, perlu mengorbankan beberapa tahun, menghabiskan malam-malam dengan membca buku, pergi ke kelas di siang hari dan sebagainya.

Bagi yang mengimpikan kejayaan diakhirat, formulanya juga sama. Kita melihat para sahabat dan golongan awal sebelum kita mengorbankan segala-galanya sehingga nyawa mereka sendiri bagi memperolehi keredhaan Allah. Jadi, apakah kita yang Islam sejak lahir ini pasti akan masuk ke syurga tanpa melakukan apa-apa, dan tanpa diuji? Pastinya jawapan nya tidak, malah jauh sekali.

"Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan mengatakan: Kami telah beriman, sedang mereka belum diuji?"

(Al-Ankabut:2-3)

Ta'aruf

Keluar mendaki ini merupakan medan yang sangat subur untuk ta'aruf dan berkenalan. Sekiranya anda mempunyai halaqah/usrah medan seperti ini adalah paling subur untuk mengenali ahli halaqah anda. Ajaklah murobbi atau anak didik anda kembara bersama.

Mungkin didalam halaqah seseorang itu boleh memberi pengisian berkenaan dengan ukhuwwah dan ithar. Sangat meyakinkan dan melekat dihati, lengkap dengan dalil Al-Qur'an dan juga hadis. Di dalam pendakian bersama, anda mampu melihat sendiri ukhuwwah yang ada padanya, ia merupakan tazkirah amali, bukan lagi tazkirah menggunakan mulut.

Anda boleh melihat sikapnya ketika berhadapan dengan pelbagai situasi. Sekiranya diminta membawa barang lebih, bagaimana reaksinya. Ketika tiba masa memasak anda boleh lihat bagaimana kesungguhan nya. Ketika makan, anda boleh melihat adakah dia boleh berkongsi bersama. Ketika masalah hadir adakah dia orang pertama yang akan menghulurkan tangan. Disini lah anda mampu mendengar tazkirah amali. Kerana siapa pun mampu berkata-kata, tetapi berapa ramai yang mampu melakukan nya.

Selain itu, anda juga dapat mengenali perwatakannya. Mungkin di dalam halaqah perkataan yang keluar dari mulutnya Cuma alhamdulillah, subhanallah, mashallah, bila tiba di lapangan pendakian anda mampu menilainya dengan mendengar perkataan apa yang keluar dari mulutnya ketika dia terjatuh. Ketika hujan turun, ketika menempuhi perjalanan yang mencabar. Saya bukan mengatakan anda mampu melihat keburukan orang, tidak.

Mungkin anda melihat ahli halaqat anda seorang yang pendiam. Ketika dalam halaqat, tidak banyak respon yang keluar dari mulutnya. Namun, bila menjelajah bersama anda akan dapati dia merupakan orang yang paling rajin dan tekun berkerja. Dia orang pertama yang menaikkan khemah, yang menyalakan api, anda akan dapati rupa-rupanya dia seorang yang pendiam dalam percakapan namun tidak diam dalam perbuatan. Dia mungkin seorang yang hands on.

Mungkin didalam halaqah anda sempat mengenalinya beberapa jam, tapi apabila kembara bersama, anda akan mengenalinya selama 24 jam. Anda akan mendaki bersamanya, masak bersama, mandi sungai bersama, makan bersama, anda akan melihat warnanya yang sebenar. Dengan itu, kembaralah untuk mengenali sahabat dengan sebenarnya.

"Wahai Manusia, sesungguhnya telah Aku ciptakan kamu daripada kaum lelaki dan perempuan, dan telah Aku jadikan kamu berpuak-puak dan pelbagai kaum supaya kamu berkenal-kenalan..."
(Al-Hujurat: 13)

Menghargai sebuah kehidupan

Sepanjang pendakian juga saya dapat merasakan bertapa berharganya sebuah kehidupan. Hidup seharian yang dianggap sukar dan kadang terasa membosankan itu sebenarnya merupakan satu anugerah dari Allah SWT.

Kadang kita merasakan penat seharian bekerja mencari rezeki dan kehidupan. Keluar pagi pulang malam, hari-hari berlalu begitu melelahkan. Tetapi bila mendaki sebenarnya lebih penat, lebih dahaga, lebih melelahkan. Jika dibandingkan dengan kerja harian kita, secara fizikalnya kerja kita itu bahkan lebih mudah.

Ketika di puncak saya menyaksikan keindahan matahari terbit melepasi kepulan awan dan banjaran bukit bukau, terasa begitu indah. Saya terfikir, padahal setiap hari matahari terbit, mengapa sebelum ini saya tidak merasa keindahan nya. Saya merasakan, setiap perkara dalam hidup ini sebenarnya indah, cuba kadang cara kita memandang menjadikan kita berasa ia merupakan satu perkara yang biasa sahaja. Namun, jika dilihat dari sudut yang berbeza, barangkali itulah perkara yang indah yang kita cari selama ini.

Saya teringat sebuah perpatah Russia:

“To, shto ti ishesh vsyu shzizn, moshet bit blizhse, chem ti dumayesh”

Maksudnya perkara yang kita cari sepanjang hidup kemungkinan lebih dekat dari apa yang kita fikirkan. Mungkin didalam hidup ini kita mencari kebahagiaan, kita berkerja siang dan malam mengumpul harta untuk membelinya, padahal kebahagiaan itu ada pada hati kita. Dan kita tidak pernah mencari kebahagiaan itu didalam hati kita, selama ini mungkin kita mencari di tempat yang salah.

Saya juga merasakan setiap orang yang Allah pertemukan dengan kita datang untuk mengajar kita sesuatu. Sahabat datang untuk mengajar kita bertapa manisnya nilai persahabatan dan persaudaraan. Pencuri datang bagi memperingatkan kita agar lebih berhati-hati, dan memberi tahu bahawa bukan semua manusia didunia berniat baik. Seorang yang pemarah Allah pertemukan dengan kita agar kita mengerti bertapa buruknya sifat pemarah, ia tidak disukai oleh orang lain. Oleh itu, kita terus belajar. Belajar dari sesiapa pun.

Begitulah apa yang saya rasa sepanjang perjalanan ini. Ambil lah peluang yang ada, hargailah dan kembaralah. Pergilah ke tempat yang belum anda jejaki, temuilah mereka yang belum anda kenali. Maka anda akan melihat sebenarnya dunia ini lebih besar dari apa yang anda sangka sebelum ini.

” Maka tidak pernahkah mereka berjalan di bumi, sehingga hati (akal) mereka dapat memahami, telinga mereka dapat mendengar? Sebenarnya bukan mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dada.”

(Surah Al-Hajj : 46)

Penutup

Begitulah sedikit coretan yang dapat saya kongsikan bagi ‘Gunung Tahan Hiking Log” ini. Semoga dengan sedikit catatan ini dapat memberi sedikit ilmu dan pengenalan buat mereka yang hendak memula kan perjalanan, agar mampu lebih bersedia dan dapat menimpa pengalaman dari mereka yang telah melaluinya.

Semoga dengan sedikit perkongsian rasa yang dicoretkan dapat membantu kita melihat kehidupan dengan perspektif yang betul. Kerana hidup ini berlalu dengan sangat pantas, kadang kala ia berlalu lebih pantas dari kelajuan akal kita untuk memikirkan apa yang hendak kita lakukan dengan hidup ini.

Oleh itu, kita memerlukan panduan, catatan dari pengembara hidup silam, agar dapat kita ambil pengajarannya, berada di jalan yang betul dan selamat. Serta tidak mengulangi dan menempuhi jalan yang membawa kepada kebinasaaan. Segala yang baik itu datang dari Allah, segala kurnia dan nikmat saya pulangkan penghargaan dan kesyukuran kepada Sang Pemilik.

Selamat mendaki!